

82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**

**SOALAN : NO. 31**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pendeposit SSPN-i yang telah meninggal dunia dan berapakah jumlah manfaat Takaful yang telah dibayar kepada waris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara keistimewaan yang ditawarkan oleh SSPN-i adalah perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas. Sehingga 30 September 2017, seramai 3,410 pendeposit telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,439 pendeposit adalah layak menerima keistimewaan ini yang melibatkan jumlah manfaat takaful sebanyak RM5.61 juta dan khairat kematian sebanyak RM2.05 juta.